



Bil. S 49



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SURAT LANTIKAN BAGI SEORANG TIMBALAN
KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(Bab 17 (2) dari Pemasyhuran Mengangkat
Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959)**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA, BETA hendak membuat lawatan keluar negeri dan tidak akan berada di Negara Brunei Darussalam ini mulai dari hari Khamis, 13 haribulan Jamadilakhir, 1420 bersamaan dengan 23 haribulan September, 1999.

DAN BAHAWASANYA, adalah disyaratkan, di antara lain-lain perkara, oleh cerai (1) bab 17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, (selepas ini dipanggil sebagai "Pemasyhuran 1959"), bahawa Sultan tidak boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan tidak melantik Jemaah Pemangku Raja atau seorang Timbalan Sultan sebagai ganti Lantikan Jemaah Pemangku Raja.

DAN BAHAWASANYA, adalah disyaratkan, di antara lain-lain perkara, oleh cerai (2) bab 17 dari Pemasyhuran 1959 bahawa dengan tidak menghiraukan cerai (1) maka bolehlah Sultan melantik seorang Timbalan dari Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja jika Baginda membuat lawatan yang pendek keluar negeri dan memberitahu Majlis Mesyuarat itu mengenai lantikan tersebut.

SEKARANG, DARI ITU, BETA dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada BETA oleh kandungan-kandungan yang disebutkan di atas dari Pemasyhuran 1959 sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya dengan Surat ini melantik yang berikut menjadi Timbalan:

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN
MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE
BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH, DKMB., PHBS.

semasa ketiadaan BETA di Negara Brunei Darussalam ini dan tatkala memangku jawatan tersebut untuk menjalankan, membuat dan melakukan bagi BETA dan pihak BETA, kewajipan-kewajipan yang boleh diletakkan ke atas BETA oleh Perlembagaan, 'Adat Istiadat dan Undang-Undang yang dipakai di Negara Brunei Darussalam.

Barang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan LANTIKAN ini. Amin Ya Rabbul 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada tiga belas haribulan Jamadilakhir tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam seribu empat ratus dua puluh bersamaan dengan hitungan Masihi dua puluh tiga haribulan September, seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan iaitu tahun yang ketiga puluh dua BETA di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.